



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

# MOMEN

— 2023 —

**Majlis Perbandaran Selayang © 2023**

**DITERBITKAN OLEH**

**JABATAN KORPORAT**

Majlis Perbandaran Selayang,  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.

**MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.**

*Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.*

*Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:*

**JABATAN KORPORAT**

Majlis Perbandaran Selayang,  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800

Fax: +603-6138 8933

Bebas Tol: 1800-222-677

E-Mel: korporat@mps.gov.my

[www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

# MOMENT

— 2023 —

MAMPAN | PROGRESIF | SEJAHTERA





*[mo.mén]*

*Definisi : (momén) waktu yg sangat singkat, saat, detik, ketika.  
(Kamus Dewan Edisi Keempat)*


# *LAFAZ AKUAN ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS SESI 2023-2024*

*3 ANUARI 2023*

*MAJLIS Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis MPS Tahun 2023 telah diadakan pada 3 Januari 2023 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Seramai 22 Ahli Majlis telah dilantik bagi memikul amanah sebagai Ahli Majlis MPS untuk tahun 2023.*

*Lantikan kali ini menyaksikan 20 Ahli Majlis sesi sebelum ini dilantik semula manakala dua Ahli Majlis merupakan lantikan baharu.*





# MAJLIS BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA TAHUN BAHARU

5 JANUARI 2023



*MPS telah membuka tirai 2023 dengan mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat pada 5 Januari 2023 bertempat di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves. Majlis telah disertai oleh pihak pengurusan MPS bersama para Penyelaras DUN, Ahli Majlis, wakil komuniti, wakil-wakil jabatan dan agensi Gombak serta para kariah masjid. Turut hadir sama ialah mantan Yang Dipertua MPS iaitu YBhg. Dato' Haji Bakarudin bin Othman.*

*Acara dimulai dengan solat Maghrib dan seterusnya bacaan Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh Imam Abd Rahman bin Zainal Abidin, Imam Masjid Jamek Al-Amaniah. Selepas bacaan Yasin dan doa selamat telah diadakan penyampaian sumbangan oleh MPS kepada pihak Masjid Jamek Al-Amaniah dan Pusat Tahfiz Ad-Diniyyah. Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan jamuan makan.*







## *MAJLIS LAMBAIAN KASIH TUAN IR. HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN*

*9 JANUARI 2023*



*MAJLIS Lambaian Kasih Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS telah diadakan pada 9 Januari 2023 bertempat di Lobi Menara MPS. MPS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau yang ditukarkan ke Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai Timbalan Datuk Bandar. MPS turut mengucapkan selamat maju jaya dan semoga terus sukses di tempat baharu.*

*Turut sama meraikan ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah dan warga MPS.*



## *TAYANGAN SKRIN BESAR PERLAWANAN SEPARUH AKHIR KEDUA KEJOHANAN AFF MITSUBISHI ELECTRIC 2023*

*10 JANUARI 2023*

*BAGI* memeriahkan lagi perlawanan separuh akhir kedua Kejujutan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 antara Malaysia menentang Thailand pada 10 Januari 2023, MPS telah menyediakan skrin besar bagi orang ramai menyaksikan perlawanan tersebut di Dataran Sungai Tua. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor turut meluangkan masa menyaksikan tayangan perlawanan tersebut.



*Hadir sama* menonton perlawanan ialah Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah dan warga MPS selain orang ramai di sekitar Dataran Sungai Tua.

# *MIP PLANNING EXCELLENT AWARD (PEA) 2022*

16 JANUARI 2023

*MPS telah berjaya merangkul 2 anugerah perak dan 1 anugerah gangsa pada MIP Planning Excellent Award (PEA) 2022 yang berlangsung pada 16 Januari 2023 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.*

*Anugerah Perak:*

*1. Kategori Heritage and Conservation (Policy and Study) untuk Laporan Rancangan Kawasan Khas Pekan Batu Arang bersama Plan Malaysia Selangor.*

*2. Kategori Placemaking and Public Space (Community LED Initiative) bagi Projek Inovasi Lorong Belakang Rumah bersama pihak Garden 8.*

*Anugerah Gangsa:*

*1. Kategori Placemaking and Public Space (Government Initiative - Municipal Council Category) di bawah projek Greenwood A New Outlook.*



# *KEBUN KOMUNITI TERBAIK MPS 2023*

28 JANUARI 2023



*MAJLIS penyampaian hadiah bagi Program Kebun Komuniti MPS telah diadakan di Kebun Komuniti Garden 8, Taman Perwira Gombak pada 29 Januari 2023. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir sama ialah Ahli Majlis dan barisan Pengarah MPS.*

*Tahniah diucapkan kepada Kebun Komuniti Garden 8 – JKP Zon 2 atas pengiktirafan sebagai Kebun Komuniti Terbaik MPS 2022. Manakala Kebun Komuniti Kampung Gombak Utara – JKP Zon 1 telah merangkul tempat kedua. Bagi kategori Penyelenggaraan Terbaik Kebun Komuniti 2021/2022 pula dimenangi oleh Kebun Komuniti KRT Taman Samudera – JKP Zon 5. Dato' Mohd Yazid bin Sairi turut berbesar hati menyampaikan Anugerah Khas YDP kepada Garden 8 sebagai pengiktirafan kejayaan di peringkat kebangsaan.*





## *MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN JALAN BAHARU RAINTREE DAN MAJLIS PECAH TANAH PEMBINAAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SELAYANG*

28 JANUARI 2023

*MAJLIS Perasmian Pembukaan Jalan Baharu Raintree dan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Selayang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 4 Februari 2023. Majlis perasmian pembukaan jalan baharu Raintree telah berlangsung di pekarangan jalan baharu Taman Raintree manakala majlis pecah tanah PAWE Selayang telah berlangsung di tapak projek Jalan Laksamana 2, Taman Gombak Permai. Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif MPS dalam memberikan kemudahan kepada para penduduk di samping menambah baik pelan infrastruktur di kawasan MPS.*

*Hadir sama ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, penyelaras DUN, barisan Ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan MPS.*



# MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2023

4 JANUARI 2023

*MAJLIS* sambutan perayaan Thaipusam peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 telah diadakan di Batu Caves, Gombak pada 4 Januari 2023. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor turut berkesempatan menghadiri dan menyampaikan cek sumbangan. Sebanyak 294 petak jualan dan perniagaan ditawarkan bagi tahun 2023. MPS turut menyediakan 10 unit tong RORO dan 50 unit tong MGB di sekitar kawasan tumpuan pengunjung. Bagi memastikan kelancaran sambutan, seramai 143 orang anggota penguatkuasa MPS dikerah membuat pemantauan dan kawalan sepanjang perayaan berlangsung.





**LAWATAN PANEL  
PENILAI ANUGERAH  
PENGURUSAN PEJABAT  
DAN PENTADBIRAN  
CEMERLANG (APPC)  
PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

*13 FEBRUARI 2023*

*MPS telah menerima lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 13 Februari 2023 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.*

*Seramai 12 orang panel penilai telah membuat penilaian yang merangkumi tiga komponen utama iaitu pengurusan, pematuhan dan kualiti serta perkhidmatan teras. APPC ini dilaksanakan bertujuan mengukur kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam organisasi sepanjang tahun 2022.*

# OPERASI MEMBANTERAS PENJAJA WARGA ASING OLEH MPS DAN DBKL DI PASAR HARIAN SELAYANG DAN PASAR BORONG KUALA LUMPUR

15 FEBRUARI 2023

**BUAT** julung kalinya, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bekerjasama melakukan operasi membanteras peniaga warga asing pada 15 Februari 2024. Tindakan penguatkuasaan khas dibuat terhadap aktiviti peniagaan yang dijalankan oleh warga asing di sekitar Jalan Selayang Baru, Pasar Harian Selayang, dan sekitar luar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur. Dalam operasi ini, tindakan sitaan dan pindah barangan penjaja serta penutupan premis perniagaan telah diambil. Selain itu tindakan kompaun turut dikenakan ke atas peniaga yang melakukan kesalahan.





## *MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH BANK KITAR SEMULA MPS 2023*

*15 FEBRUARI 2023*

*MAJLIS* Penyampaian Anugerah Bank Kitar Semula MPS 2022 telah diadakan pada 15 Februari 2023 di Dewan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2). Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir Dr. Abdul Aziz bin Ismail, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, Puan Dayang Fauziah binti Awang Ismail, Guru Besar SK Bandar Baru Selayang (2), Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Pemangku Timbalan Yang Dipertua MPS, Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS serta pengarah jabatan MPS dan wakil-wakil sekolah. Program yang bermula pada 1 Julai sehingga 31 Oktober 2022 ini telah disertai oleh 15 buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah rendah di sekitar Perbandaran Selayang.



## *KEMPEN DERMA DARAH DENGAN KERJASAMA PUSAT DARAH NEGARA*

*16 FEBRUARI 2023*

*ANULAE cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah menganjurkan Kempen Derma Darah pada 16 Februari 2023 di Lobi Menara MPS.*

*YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut berkesempatan meluangkan masa melawat program derma darah ini. Seramai 86 orang telah menderma darah sebagai tanda keprihatinan warga MPS terhadap masyarakat bagi memastikan bekalan darah negara sentiasa berada dalam paras selamat.*

# LAWATAN KE TAPAK URBAN STREET DINING

20 FEBRUARI 2023

**MAJLIS** Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan lawatan ke TAPAK Urban Street Dining, Dataran Millenium SS13, Subang Jaya.

Lawatan ini dilakukan bagi meninjau dan mempelajari bagaimana operasi perniagaan trak makanan dijalankan. TAPAK Urban Street Dining dilengkapi dengan kemudahan surau dan tandas serta petak tempat letak kereta, parkir motosikal dan parkir Orang Kurang Upaya bagi keselesaan pengunjung.

Sesi lawatan melibatkan pegawai daripada Jabatan Landskap, Jabatan Perlesenan dan Jabatan Kejuruteraan MPS. Turut hadir juga wakil pegawai Jabatan Perlesenan MBSJ dan operator yang mengendalikan TAPAK Urban Street Dining.





## *PROGRAM PICNIC @ LAGONG MPS TAHUN 2023*

*25 FEBRUARI 2023*

**PROGRAM** Picnic@Lagong MPS 2023 anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah berlangsung meriah pada 25 Februari 2023 di Taman Rimba Bukit Lagong. Program yang dihadiri seramai 1 500 kakitangan MPS bersama ahli keluarga turut dihadiri barisan Ahli Majlis MPS dan pihak pengurusan MPS bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aktiviti sukaneka, soopa doopa kanak-kanak, face painting, pertandingan memancing dan pertandingan glamping serta acara cabutan bertuah. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama keluarga turut berkesempatan hadir dan merasmikan program ini.







# *TUAN TIMBALAN YANG DIPERTUA MELAPOR DIRI KE MPS*

*1 MAC 2023*

*TUAN Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah melapor diri secara rasmi di MPS sebagai Timbalan Yang Dipertua MPS pada 1 Mac 2023. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah dilantik bagi menggantikan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang baharu.*





## *MAJLIS LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS*

*2 MAC 2023*

*MAJLIS lafaz akuan terima jawatan Timbalan Yang Dipertua MPS telah diadakan pada 2 Mac 2023 di Pejabat Yang Dipertua, Menara MPS. Tuan Adi Faizal telah mengangkat sumpah di hadapan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS dengan disaksikan oleh ketua-ketua WHIP Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.*

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS 2022

3 MAC 2023

**MAJLIS** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS 2022 telah diadakan pada 3 Mac 2023 di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang. Majlis APC ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Anugerah telah diberikan kepada seramai 86 orang kakitangan dan 19 orang pesara MPS. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.









*PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG MPS 2023  
(KUMPULAN A & KUMPULAN B)*



*PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG MPS 2023  
(KUMPULAN C)*



*PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG MPS 2023  
(KUMPULAN D)*



*PESARA*



# PROGRAM HARI BEBAS KARBON 2023

5 MAC 2023

*MPS dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan MIP Cycling Club telah menganjurkan Program Hari Bebas Karbon 2023 pada 5 Mac 2023 di Puteri Central Park, Bandar Tasik Puteri, Rawang. Acara perasmian telah disempurnakan oleh YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak.*

*Program yang diadakan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan dan pelepasan asap karbon monoksida yang boleh menyebabkan pencemaran udara ini turut dihadiri oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, wakil MIP, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.*







## *MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN & PENDENGARAN (JKSTP) RANCANGAN KHAS BANDAR BATU ARANG*

*7 MAC 2023*

*MESYUARAT Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran (JKSTP) Draf Rancangan Tempatan Kawasan Khas Bandar Batu Arang 2030 telah diadakan pada 7 Mac 2023 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Mesyuarat JKSTP merupakan proses seterusnya selepas publisiti Draf RKK Bandar Batu Arang 2030 yang telah diadakan pada Oktober 2022 di mana sebanyak tujuh borang bantahan dan cadangan telah diterima. Turut hadir sama pada sesi bantahan ini, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan TPr. Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah PlanMalaysia Negeri Selangor, Tuan Muhammad Izhan bin Yazin, Timbalan Pengarah, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Encik Abdul Rahman bin Mohamed Sedek, Penolong Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor, Tuan TPr. Khairon Zairee bin Basiron, wakil Lembaga Perancang Bandar Malaysia dan Encik Mohd Shahril bin Yaakob, Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.*



## *ANUGERAH MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2023*

*18 MAC 2023*

*MPS buat pertama kalinya telah menyertai Pameran Penyelidikan Malaysia Technology Expo (MTE) 2023 yang berlangsung pada 16 sehingga 18 Mac 2023 di World Trade Centre (WTC). MPS menerusi kumpulan KIK iaitu SMART SCAPE dengan produk My Auger-All In One telah merangkul Anugerah Perak dalam kategori Inovasi Perkhidmatan Awam Asia (PSIA). MTE merupakan "learning platform" yang memfokus kepada memartabatkan inovasi baharu yang memberikan impak di peringkat nasional dan antarabangsa. MTE 2023 yang telah disertai oleh 600 pempamer turut memberikan pendedahan dan peluang kepada Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia untuk mengambil bahagian menyertai acara bertaraf dunia tanpa perlu melabur ke luar negara untuk mendapatkan pengiktirafan bertaraf antarabangsa.*



## *MAJLIS MAKAN TENGAH HARI REWARD YANG DIPERTUA MPS*

*22 MAC 2023*

*MAJLIS Makan Tengah Hari Reward Yang Dipertua MPS telah diadakan pada 22 Mac 2023 di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur. Majlis dibuat bagi meraikan kakitangan MPS yang telah mengharumkan nama MPS di peringkat PBT, negeri dan juga negara.*



*Terdapat 10 penerima reward bagi kategori peningkatan imej untuk tahun 2020 manakala enam penerima untuk tahun 2021. Bagi kategori pengurangan kos/peningkatan kecekapan pula, seramai sembilan penerima untuk tahun 2020 manakala tujuh penerima untuk tahun 2021.*



*Majlis turut dihadiri YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.*



## KUNJUNGAN DELEGASI TONGYEONG CITY COUNCIL, KOREA SELATAN KE MPS

23 MAC 2023

*DELEGASI* daripada Tongyeong City Council, Korea Selatan telah mengadakan kunjungan ke MPS pada 24 Mac 2023. Delegasi ini diketuai oleh Mrs. Min Ok Kim, Chairmain Tongyeong City Council bersama 17 orang yang terdiri daripada barisan Ahli Majlis dan kakitangan.



Taklimat berkenaan MPS telah disampaikan oleh Encik Ahmad Fauzi bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat. Delegasi telah dibawa melawat ke Kebun Komuniti Garden 8, Taman Perwira Gombak dan pusat pelancongan Gua Batu Caves.



# MAJLIS IFTAR BERSAMA MENTERI BESAR SELANGOR

30 MAC 2023

*MAJLIS Iftar YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama agensi kerajaan daerah Gombak 2023 telah diadakan pada 29 Mac 2023 di Dewan Beringin, Sri Gombak. Turut hadir pada majlis ini ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama barisan pengurusan MPS. Pada majlis ini, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah melancarkan Selangor Bertadabbur 5.0 dan turut menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM5 000 kepada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS.*



# *KEMPEN HARGAI MAKANAN, ELAK PEMBAZIRAN*

*4 APRIL 2023*

*KEMPEN Hargai Makanan, Elak Pembaziran!* telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS pada 4 April 2023 di Bazar Ramadan Selayang Utama. Kempen ini diadakan sebagai langkah kesedaran kepada masyarakat supaya mengurangkan sisa makanan pada bulan Ramadan. Pada pelancaran kempen ini, Dato' Yang Dipertua telah menyerahkan kain rentang sebagai simbolik pelancaran kempen kepada pengelola bazar ramadan selain memberi kit berupa apron, topi dan risalah kepada peniaga bazar ramadan.



# MAJLIS PERASMIAN PAPAN TANDA SELAYANGKU SAYANG

4 APRIL 2023

ACARA perasmian papan tanda Selayangku Sayang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS pada 4 April 2023. Inisiatif papan tanda ini adalah kerjasama antara JKP Zon 12 dan pihak swasta melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai simbolik penandaan kawasan naungan JKP Zon dan juga meningkatkan keceriaan kawasan. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi MPS bersama Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12.



# KONVOI BERMOTOSIKAL SEMPENA PROGRAM KEMBARA KASIH RAMADAN MPS 2023

10 APRIL 2023

*ACARA* pelepasan konvoi Program Kembara Kasih Ramadan MPS 2023 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS pada 10 April 2023 di hadapan Lobi Menara MPS. Pasukan bermotor daripada Superbike Association Malaysia Kuala Lumpur (SAMKL) yang diketuai oleh presidennya YBhg. Datuk Azman Maat bersama penunggang motosikal daripada pelbagai jabatan MPS telah mengambil bahagian dalam konvoi bermotosikal untuk penyerahan sumbangan kepada Rumah Kasih Sayang Baitul Mahabbah, Bandar Tasik Puteri Rawang. Turut menyertai konvoi ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS.



# PROGRAM RENDANG SEKAMPUNG

18 APRIL 2023

**KELAB** Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah menganjurkan program memasak rendang bertemakan “Rendang Sekampung” pada 18 April 2023 di kawasan tempat letak kereta Menara MPS. Sebanyak 20 kawah telah digunakan untuk memasak rendang sebelum diagihkan kepada semua kakitangan MPS. Bagi memeriahkan program, turut diadakan acara cabutan bertuah dan pertandingan-pertandingan sampingan khusus untuk kakitangan yang menyertai program memasak rendang.

Program ini turut dihadiri YBhg. Dato’ Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.









## *KEMBARA MEDIA 2023 PERINGKAT NEGERI SELANGOR*

*9 MEI 2023*

**JABATAN Penerangan Malaysia (JaPen) dengan kerjasama MPS telah menganjurkan program Kembara Media 2023 peringkat negeri Selangor pada 9 Mei 2023 di Dewan Orang Ramai Kampung Melayu Wira Damai, Gombak, Selangor. Program ini melibatkan seramai 22 orang pengamal media daripada 15 agensi media seluruh negara bagi penyediaan kandungan feel good stories terhadap usaha-usaha pembangunan Kerajaan Negeri Selangor.**

*Acara Sesi Ramah Mesra Bersama Media telah disempurnakan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah, EXCO Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.*



*MAJLIS RUMAH TERBUKA  
AIDILFITRI MALAYSIA  
MADANI SEMPERNA  
JELAJAH #KITASELANGOR  
AIDILFITRI*

*14 MEI 2023*



*MAJLIS* Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani sempena Majlis Rumah Terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri Daerah Gombak telah diadakan pada 14 Mei 2023 di Taman Seri Gombak. Seramai lebih 35 ribu orang tetamu hadir memeriahkan rumah terbuka.

*Majlis* diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bersama Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari. Turut hadir barisan menteri kabinet, pimpinan negeri, ketua-ketua jabatan di peringkat persekutuan dan negeri serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta.









# *MAJLIS MESRA AIDILFITRI WARGA KERJA MPS 2023*

*19 MEI 2023*

**KEMERIAHAN** sambutan Aidilfitri di MPS pada tahun ini disambut lebih meriah bersama ahli keluarga dalam Majlis Mesra Aidilfitri Warga Kerja MPS 2023 pada 19 Mei 2023. Majlis yang berlangsung di pekarangan Menara MPS ini turut dihadiri YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kanan Pentadbiran Negeri Selangor, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Selangor, wakil dari agensi daerah Gombak dan barisan Ahli Majlis MPS. Pelbagai juadah dihidangkan sendiri oleh kakitangan daripada setiap jabatan MPS sekali gus menjadikan suasana majlis Aidilfitri kali ini lebih bermakna. Turut diadakan acara penyampaian hadiah kepada semua gerai hidangan, pertandingan OOTD Raya bagi kategori keluarga, king dan queen serta hadiah cabutan bertuah. Majlis ini turut dimeriahkan dengan persembahan artis popular seperti kumpulan D'Xoras, Ady WOW dan Shafie Rio.









## *TAKLIMAT DAN DIALOG ANTIRASUAH DALAM PEROLEHAN KERAJAAN DAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KONTRAKTOR LANTIKAN MPS BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR*

*23 MEI 2023*

*Program Taklimat dan Dialog Antirasuah dalam Perolehan Kerajaan dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) telah diadakan oleh Kontraktor Lantikan MPS bersama SPRM Negeri Selangor pada 23 Mei 2023 di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak. Taklimat dan Sesi Dialog Antirasuah yang bertajuk “Perangi Rasuah, Tanggungjawab Bersama” disampaikan oleh Tuan PKPj. Ridzuan bin Abd Malek, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Selangor. Seramai 150 orang wakil kontraktor lantikan MPS telah menghadiri program ini.*

*Di akhir program, telah diadakan Sesi Lafaz Ikrar Bebas Rasuah dan disusuli dengan sesi tandatangan oleh Kontraktor lantikan MPS yang diketuai oleh Tuan Lt. Kol. (B) Azwan bin Maat, Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Daerah Gombak. Hadir sama dalam majlis ini, YBhg. Dato’ Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor bersama-sama Tuan PKPj. Ridzuan bin Abd Malek, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Selangor, YBhg. Dato’ Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS.*



## *PERHIMPUNAN BULANAN JUN 2023*

*27 JUN 2023*

*MAJLIS penyerahan sumbangan Dermasiswa SPM 2022 dan penyampaian hadiah Program Gaya Hidup Sihat Bagi Kakitangan MPS 2022 telah diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulan Jun 2023 yang berlangsung pada 27 Jun 2023 di Lobi Menara MPS.*

*eramai lima orang anak ahli ANULAE Cawangan MPS yang cemerlang dalam peperiksaan SPM 2022 telah menerima sumbangan dermasiswa. Manakala tiga peserta terbaik dengan penurunan berat badan terbanyak dalam Program Gaya Hidup Sihat MPS 2022 anjuran Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPS turut menerima ganjaran wang tunai.*

*Hadiah disampaikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dengan diiringi oleh Encik Mohd Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat, Puan Ruzani binti Sohot, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS dan Encik Mohd Hattamizi bin Ahmad Tajuddin, Pengerusi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPS.*

*Majlis perhimpunan ini dihadiri oleh barisan Ahli Majlis, para pengarah jabatan dan kakitangan MPS.*

# MINI KARNIVAL JOM KERJA

17 JUN 2023



*MPS bersama PERKESO WPKL telah menganjurkan Mini Karnival Jom Kerja pada 17 Jun 2023 di Lobi Menara MPS. Terdapat lebih 1 000 peluang pekerjaan yang ditawarkan pada program ini. Seramai lebih 500 peserta datang ke mini karnival yang turut dihadiri oleh Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Tuan U Chin Ong, Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah, barisan Ahli Majlis MPS dan Tuan TPr Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS.*







## *SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA MPS KE-41*

*7 JULAI 2023*

*SAMBUTAN* Hari Penguat Kuasa MPS yang ke-41 telah diadakan dengan penuh protokol dan istiadat pada 7 Julai 2023 di Dataran MPS. Sambutan diadakan bagi memperingati penubuhan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS selama 41 tahun sejak tertubuhnya Majlis Daerah Gombak. Acara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir dalam acara ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan dan warga MPS.

*Antara* acara yang diadakan ialah perbarisan kawad formasi, demo pelupusan barangan kritikal, pertunjukan pakaian seragam anggota dan penyampaian cenderahati kepada pesara di jabatan serta anugerah khas kepada anggota berdasarkan kepada pencapaian mereka sepanjang tahun 2022.



## LAWATAN PENANDA ARAS GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK

17 JULAI 2023

*KERAJAAN Negeri Perlis telah mengadakan kunjungan ke MPS pada 17 Julai 2023 bagi Lawatan Penanda Aras Gombak-Hulu Langat Geopark. Lawatan yang diketuai oleh YB Tuan Megat Hashirat bin Hassan, Exco Alam Sekitar, Bioteknologi dan Teknologi Hijau Negeri Perlis ini bertujuan untuk membantu memperkukuh persediaan kerajaan Negeri Perlis dalam menjalani sesi penilaian kebangsaan yang diadakan pada September 2023.*

*Delegasi dibawa melawat Galeri Batu Arang, tapak lombong arang batu, Sekolah Kebangsaan Batu Arang, Gua Ekstrem Wira Damai dan Gua Batu Caves yang diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan ke-7 di bawah Program Pembangunan Geopark Malaysia. Turut hadir ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Azrul Shah Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor merangkap Pengerusi GHLGp, Tuan Rusli bin Tuan Mohamed, Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Selangor/Wilayah Persekutuan serta ketua dan wakil daripada jabatan Kerajaan Negeri Selangor.*



# MAJLIS PERASMIAN REKA BENTUK DEWAN KOMUNITI DAN RUMAH PENJAWAT AWAM

24 JULAI 2023

*YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Majlis Perasmian Reka Bentuk Dewan Komuniti dan Rumah Penjawat Awam pada 24 Julai 2023 di Lobi Menara MPS. Projek pembinaan Dewan Komuniti dan Rumah Penjawat Awam di Bandar Baru Selayang ini merupakan inisiatif kolaboratif antara Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Pemaju Aura Kemuncak Sdn. Bhd. dengan kerjasama MPS.*

*Hadir sama dalam majlis ini ialah YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Puan Cannis Chan, Pengarah Aura Kemuncak Sdn. Bhd., Puan Nor Azlina binti Abd Aziz, Pegawai Daerah Gombak, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, barisan Ahli Majlis MPS, wakil jabatan dan agensi kerajaan, para pengarah jabatan dan warga MPS.*





## *PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15*

*12 OGOS 2023*


***HARI** penamaan calon Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15 bagi N.13 Kuang, N.14 Rawang dan N.15 Taman Templer telah diadakan pada 29 Julai 2023 di Lobi Menara MPS. Pegawai Pengurus bagi N.15 Taman Templer ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Pegawai Pengurus bagi N.14 Rawang ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi manakala Pegawai Pengurus bagi N.13 Kuang ialah Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Proses pengundian awal telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2023 di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak manakala hari pengundian pula ditetapkan pada 12 Ogos 2023. Tahniyah kepada calon yang telah berjaya. Keputusan undian adalah seperti berikut:*

*N13: Mohd Rafiq Abdullah (Perikanan Nasional)*

*N14: Chua Wei Kiat (Pakatan Harapan)*

*N15: Anfaal Shaari (Pakatan Harapan)*





## *MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS PERINGKAT MPS 2023 DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG*

*15 OGOS 2023*

*MAJLIS Perhimpunan Bulan Ogos Peringkat MPS 2023 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang telah diadakan pada 15 Ogos 2023 di Dataran MPS. Dalam majlis ini, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah melancarkan tiga buah kenderaan rasmi MPS yang baharu iaitu sebuah kereta elektrik (EV) dan dua buah van. Dato' YDP turut merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang dengan penyerahan kemeja-T Hari Kebangsaan untuk dipakai oleh kakitangan MPS pada setiap hari Jumaat sepanjang kempen berlangsung.*

*elain itu diadakan serahan bendera kepada ketua-ketua WHIP dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua selaku wakil kakitangan MPS sebagai simbolik kempen. Hadir sama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah jabatan dan warga kerja MPS.*





## *PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK ANTARA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) DAN MEDIA PRIMA OMNIA*

*19 OGOS 2023*

*PERLAWANAN persahabatan bola sepak antara MPS dengan Media Prima Omnia telah diadakan pada 19 Ogos 2023 di Stadium MPS. Pasukan MPS diketuai oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS manakala Media Prima Omnia diketuai oleh Pengurus Besarnya, Tuan Shanaz Azali.*

*Keputusan perlawanan berkesudahan dengan pasukan MPS berjaya mengalahkan pasukan Media Prima Omnia menerusi jaringan 4-0. Seramai 200 orang hadir memberi sokongan termasuk YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Mohd Anis Abdullah, Pengurus Media Prima Omnia, Ahli-ahli Majlis dan para pengarah MPS.*



## *PROGRAM JOM TEROKA SELAYANG*

27 OGOS 2023

**PROGRAM** “Jom Teroka Selayang” melalui aktiviti “treasure hunt” telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 48 buah pasukan. Majlis pelepasan pasukan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Pasukan “Cuba Nasib Nak Menang” menerima wang tunai RM2 000 selaku juara manakala pasukan “Marhaen Warrior” membawa pulang RM1 500 sebagai naib juara. Tempat ketiga dimenangi pasukan “Ninja Warriors” yang menerima RM1 000. Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Turut sama dalam majlis ialah Tuan Haji Az’har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah jabatan dan warga MPS





## *KILANG MEMPROSES AYAM TANPA LESEN DISERBU*

*29 OGOS 2023*

*MPS bertindak tegas menutup sebuah kilang memproses ayam di Jalan Sungai Bakau, Rawang kerana beroperasi tanpa lesen. Pemilik premis kilang pernah diberikan lesen sementara, namun dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat-syarat ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui notis yang dikeluarkan pada 8 Februari 2023.*



*Pelaksanaan operasi dibuat susulan aduan awam yang terganggu dengan pencemaran kawasan persekitaran di mana lokasinya berhampiran dengan rumah kediaman. Premis ini juga didapati membuang darah ayam dan air buangan terus ke dalam longkang.*



*Sebanyak empat kompaun, satu notis penutupan dan sita dikeluarkan selain pemotongan bekalan elektrik bagi melumpuhkan operasi kilang berkenaan.*

# MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN SUKAN MPS

30 OGOS 2023

**SEBAGAI** tanda sokongan kepada atlet MPS yang akan bertanding pada Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023, Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Sukan MPS telah diadakan pada 30 Ogos 2023 di Lobi Menara MPS.

Acara penyerahan bendera dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Seramai 45 atlet MPS akan menyertai acara sukan golf, ping pong dan tarik tali. SUKANUN ke-12 bakal berlangsung pada 3 hingga 10 September 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis.





## *MALAYSIA QURAN HOUR PERINGKAT MPS*

*30 OGOS 2023*

*SERAMAI 100 orang kakitangan MPS telah mengimarahkan Program #QuranHour 2023 bertemakan “Malaysia Berakhlak Mulia: Pemuda Merdeka, Pemimpin Abrar” yang diadakan pada 30 Ogos 2023 di Surau MPS. Turut diadakan sesi bacaan surah al-Fatihah, surah al-Insan dan surah al-Asr yang diketuai oleh Ustaz Md. Ghazali bin Ibrahim secara beramai-ramai bersama warga MPS. Hadir sama dalam program ini ialah YBhg. Dato’ Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az’har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan para pengarah jabatan dan warga MPS.*

# *SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66 PERINGKAT NEGERI SELANGOR*

*30 OGOS 2023*

*SAMBUTAN Hari Kebangsaan ke-66 Peringkat Negeri Selangor berlangsung dengan meriah di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Laungan merdeka oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor disambut lebih 10 000 pengunjung yang hadir. Kontinjen perbarisan MPS turut mengambil bahagian pada sambutan kemerdekaan ini. Turut hadir dalam sambutan ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama ketua agensi negeri Selangor.*





## *PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN, SUNGAI BATU*

*9 SEPTEMBER 2023*

*MPS bersama Global Environment Centre (GEC) telah mengadakan Program Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Batu sempena Hari Sungai Sedunia yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS pada 9 September 2023 di Seri Selera Wira Damai, Gombak. Seramai 150 orang peserta menyertai program terdiri daripada Azmida Technical College, SMK Taman Selayang, INTI International College Subang dan penduduk setempat. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan kawasan, penanaman pokok, kitar semula, pemasangan ecobrick dan program saintis muda. Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Dr. K. Kalithasan, Pengurus Program River Care GEC, Tuan Hasrulhisham bin Abdullah, Jurutera Daerah JPS Daerah Gombak, Tuan Muhammad Husaini bin Mohd Yunos, Ahli Majlis Zon 6 MPS, Encik Zarul Hafizh bin Hamzah, wakil CIMB Islamic Bank dan para pengarah jabatan MPS.*



# *PERTANDINGAN MENGHIAS JABATAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN*

*15 SEPTEMBER 2023*

*BAGI* memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan, MPS telah mengadakan Pertandingan Menghias Jabatan Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan bermula 15 Ogos 2023 hingga 15 September 2023. Seramai tiga orang Ahli Majlis telah terlibat menjadi juri untuk menilai pertandingan iaitu Tuan Sulaiman bin Abu Samah, Tuan U Chin Ong dan Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim. Jabatan Bangunan dipilih sebagai juara dan menerima wang tunai RM600. Tempat kedua pula dimenangi oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan menerima wang tunai RM400. Manakala pemenang tempat ketiga diraih Jabatan Perancang Bandar dan menerima wang tunai RM300.







# *KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI 2023*

*16-17 SEPTEMBER 2023*

*EDISI ke-8 Karnival Ekstrem Gua Damai 2023 telah berlangsung pada 16 dan 17 September 2023 di Taman Ekstrem Gua Damai. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Penyelaras DUN Gombak Setia. Banyak aktiviti lasak disediakan kepada pengunjung seperti terjun tapak (base jumping), daki tembok (rock climbing), futsal, memanah, senamrobik, terbang kelawar (flying fox), panjat pokok (tree climbing), paintball dan turun cenuram (abseiling). Lebih 3 000 pengunjung hadir sepanjang dua hari karnival berlangsung.*

*Turut hadir YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Azrul Shah Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato (Dr.) Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, barisan Ahli Majlis MPS, wakil jabatan dan agensi serta para pengarah jabatan MPS.*









## *LAWATAN KERJA JABATAN LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN (MPK)*

*19 SEPTEMBER 2023*

*JABATAN Landskap Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) telah mengadakan lawatan kerja ke MPS pada 19 September 2023. Lawatan seramai 16 orang kakitangan ini diketuai oleh Encik Shamsul Syahiran bin Mohd Samsudin, Pengarah Jabatan Landskap MPK. Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abd Ghani, Pengarah Jabatan Landskap MPS telah berkongsi maklumat mengenai kerja-kerja penyelenggaraan dan penguatkuasaan landskap di MPS.*

# *FORUM SEMARAK CINTA PERINGKAT DAERAH GOMBAK 2023*

*19 SEPTEMBER 2023*

*SERAMAI Lebih 100 kakitangan MPS, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Gombak dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah hadir ke Forum Semarak Cinta peringkat daerah Gombak pada 19 September 2023 di Lobi Menara MPS. Forum bertajuk “Semakin Hari Semakin Sayang” anjuran PAID Gombak dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS ini telah disampaikan oleh Ustaz Suhaimi bin Ahmad Wakid, Penolong Pegawai Kanan Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Ustazah Yuhanis binti Yusof, Penolong Pegawai Kanan Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).*



## PERHIMPUNAN BULAN SEPTEMBER PERINGKAT MPS 2023

21 SEPTEMBER 2023

*MAJLIS Perhimpunan Bulan September Peringkat MPS 2023 telah diadakan pada 21 September 2023 di Lobi Menara MPS. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah menyampaikan anugerah dan hadiah kepada kakitangan MPS.*

*Antaranya Anugerah "Reward YDP", dermasiswa ANULAE kepada anak cemerlang SPM 2022, hadiah Pertandingan Nyanyian Lagu Asli Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Kerajaan Negeri Selangor dan hadiah kepada pasukan ping pong dan golf yang menjadi johan dan naib johan bagi SUKANUN ke-12.*





## *KEJOHANAN GOLF AMAL MPS 2023*

*30 SEPTEMBER 2023*

*MPS telah menganjurkan Kejohanan Golf Amal MPS 2023 yang diadakan pada 30 September 2023 di Tasik Puteri Golf and Country Club, Bandar Tasik Puteri, Rawang. Kejohanan golf amal merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MPS yang bermatlamat untuk mengumpul dana bagi disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang terpilih. MPS berjaya mengutip dana berjumlah RM60 000. Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.*

*Golf Amal MPS turut disertai oleh YB Tuan Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi, Ahli Lembaga Majlis Sukan Negeri Selangor dan ADUN Seri Serdang. Hadir sama menyertai kejohanan ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, pengarah agensi dan syarikat serta wakil PBT Selangor.*







## *LAWATAN MBSA KE MPS*

*10 OKTOBER 2023*

*MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan kunjungan hormat ke MPS pada 10 Oktober 2023. Kunjungan yang diketuai oleh Tuan Haji Ir. Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam bersama Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar, Pengarah Kewangan dan para pegawai MBSA diraikan di Bilik Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS telah menyampaikan taklimat mengenai pelaksanaan Sistem Reward MPS kepada delegasi MBSA yang hadir.*



# MAJLIS PENYERAHAN RASMI GALERI BATU ARANG GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK

12 OKTOBER 2023

*MAJLIS Penyerahan Rasmi Galeri Batu Arang Gombak-Hulu Langat Geopark oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) kepada MPS telah diadakan pada 12 Oktober 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong.*

*Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Setiausaha Bahagian Mineral dan Geosains, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bersama-sama YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah menandatangani dokumen penyerahan rasmi info panel dan bahan pameran Galeri Batu Arang. Acara ini turut disaksikan oleh Tuan Haji Kamaruddin bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bersama-sama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS.*



# PROGRAM KUCING ANGKAT “WE LOVE CAT”

14 OKTOBER 2023

MPS dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengadakan Program Kucing Angkat “We Love Cat” pada 14 dan 15 Oktober 2023 di Aeon Rawang. Sebanyak 100 ekor kucing dewasa dan anak kucing disediakan untuk diadopsi orang awam. Pemilik baharu diberikan makanan kucing percuma atas keprihatinan mereka untuk menjaga kucing jalanan ini kepada penjagaan lebih rapi di rumah. Pelbagai aktiviti lain turut diadakan antaranya pertandingan cat fashion show yang bertemakan alam sekitar, program vaksin dan pet passport, gerai jualan produk penjagaan haiwan dan petting zoo.





# MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN (STANCO) NEGERI SELANGOR BIL.3/2023

16 OKTOBER 2023

**SEBANYAK** 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang diwakili oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Setiausaha serta wakil Jabatan atau Agensi Teknikal Negeri Selangor yang berkaitan telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan (STANCO) Negeri Selangor Bil.3/2023 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor pada 16 Oktober 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara dasar berkaitan PBT bagi memperkasakan perkhidmatan PBT.





## *LAWATAN JAPAN COUNCIL OF LOCAL AUTHORITIES FOR INTERNATIONAL RELATIONS (JCLAIR) KE MPS*

*16 HINGGA 18 OKTOBER 2023*

*THE Local Authorities International Cooperation Specialist Dispatch Project, Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR) telah memilih MPS sebagai lokasi bagi perkongsian kepakaran dan idea mengenai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia dan Jepun. Majlis pembukaan telah berlangsung pada 16 Oktober 2023 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Lawatan ini diketuai oleh Mr. Matsumoto Nobuhiko, Pengurus Kanan Penjagaan Warga Emas dan Pembangunan Insurans serta Kemudahan Pejabat Kebajikan Tobu Chuo, Jabatan Kebajikan Saitama dan Mr. Nagata Takuya, Timbalan Pengarah Kanan JCLAIR.*

*Majlis turut dihadiri Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Puan TPr Juwairiyah Ho Abdullah, Setiausaha Kehormat Pertubuhan Perancang Malaysia, Puan Aslynda binti Mohd Dahlan, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Momen'97*

*Sektoral UPEN Selangor, barisan Ahli Majlis, para pengarah jabatan dan wakil MPS.*

# MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI DATO' YDP

18 OKTOBER 2023

**TERIMA** kasih YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi yang telah menabur bakti dan khidmat sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang selama 2 tahun 3 bulan. Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Dato' YDP telah diadakan pada 18 Oktober 2023 di Dewan Keraian dan Lobi Menara MPS.

Pelbagai pencapaian yang diraih MPS sehingga ke hari ini berjaya mengangkat imej MPS melalui kejayaan yang dilakar. MPS mengucapkan selamat maju jaya dan semoga terus sukses di tempat baharu.

Turut sama meraikan ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Gombak, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis, tetamu jemputan, para pengarah jabatan dan seluruh warga kerja MPS.







## *SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR (SIBS) 2023*

*19 HINGGA 22 OKTOBER 2023*

*MPS telah menyertai Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 kali yang ke-7 pada 19 hingga 22 Oktober 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Acara ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.*

*MPS menyediakan kaunter informasi di Pavilion Invest Selangor bagi berkongsi informasi berkaitan kawasan pembangunan dan industri yang ditawarkan di kawasan perbandaran Selayang.*

*Di bawah Selangor Smart City & Digital Economy Convention (SDEC), MPS turut membuka reruai untuk berkongsi mengenai inisiatif pintar yang digunakan di MPS seperti Sistem GeoSpatial MPS, MyMPS, e-LESEN dan e-SIM.*





## PROGRAM GOTONG ROYONG BERSIHKAN SUNGAI BERSAMA ECRL DAN JAS SELANGOR

24 OKTOBER 2024

**PROGRAM** Gotong-royong Bersihkan Sungai sempena Hari Alam Sekitar Negara telah diadakan pada 24 Oktober 2024 di Taman Rekreasi Hutlista 2, Hutan Lipur Sungai Tua. Seramai 200 sukarelawan daripada Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bersama pemimpin masyarakat terlibat menjayakan program “#Sungai Kita, Bersama Kita Pelihara”.

Program kerjasama antara Projek ECRL dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor ini turut dirasmikan oleh Pengarah JAS Selangor, Puan Nor Aziah Jaafar. MPS turut mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong menerusi penglibatan pegawai Jabatan Landskap dan Korporat. Program yang berlangsung selama dua jam ini berjaya mengumpulkan sebanyak 25 beg sampah besar.



## *MAJLIS SINARAN DEEPAVALI 2023*

*27 OKTOBER 2023*

*BIRO* Kebajikan Kakitangan India MPS telah menganjurkan Majlis Sinaran Deepavali ke-20 pada 27 Oktober 2023 di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah merasmikan majlis. Dato' YDP dalam ucapannya berharap majlis seumpama ini dapat memupuk perpaduan pelbagai kaum dan budaya di negara ini khususnya di MPS.

Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah Encik Murukan a/l Manickam, Pengerusi Biro Kebajikan Kakitangan India MPS, barisan Ahli Majlis, wakil daripada Kelab Sukan dan Kebajikan, ANULAE Cawangan MPS, Majlis Bersama Jabatan dan para pengarah jabatan MPS.

# MAJLIS PELANCARAN MALAYSIA SDG CITIES NETWORK DAN SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

6 November 2023

*MPS telah menerima sijil pengiktirafan atas penyediaan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) City Roadmap di Pelancaran Malaysia SDG Cities Network dan Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 pada 6 November 2023 di Kuching, Sarawak.*

*Sijil pengiktirafan disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan kepada Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Penyediaan SDG City Roadmap ini merupakan langkah awal MPS untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs) di kawasan perbandaran Selayang.*





## PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER

29 NOVEMBER 2023

**MAJLIS** Perhimpunan Bulan November Peringkat MPS 2023 telah diadakan pada 29 November 2023 di Lobi Menara MPS. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS menzahirkan rasa bangga beliau atas pencapaian MPS sepanjang bulan November.



Sebanyak tiga anugerah telah disampaikan iaitu sijil pengiktirafan atas penyediaan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) City Roadmap di Pelancaran Malaysia SDG Cities Network dan Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023, Anugerah Khas Komuniti Ceria Kebun Komuniti Flat Dadimur, Taman Batu Caves sempena Hari Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor 2023 dan Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor.



Selain itu diadakan juga penyampaian hadiah bagi Karnival Sukan Antara Jabatan MPS untuk sukan sepak takraw, karom, bola sepak dan bola jaring. Turut diadakan penyerahan Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin Peringkat Perkhidmatan Awam sebanyak RM10 ribu hasil sumbangan kakitangan MPS dan pihak MPS sendiri sebagai tanda solidariti penjawat awam dalam membantu rakyat Palestin.





## *PROGRAM TANAM POKOK PERDANA MPS 2023*

*25 NOVEMBER 2023*

*PROGRAM Tanam Pokok Perdana MPS 2023 telah diadakan secara serentak di tiga lokasi iaitu Elmina Business Park, Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Batu, Gombak dan Taman Pinggiran Pelangi, Rawang pada 25 November 2023. Perasmian program disempurnakan EXCO Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Selangor, YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin. Seramai 550 orang sukarelawan terlibat di ketiga-tiga lokasi penanaman pokok.*

*Terima kasih diucapkan kepada para pemaju iaitu Sime Darby Property Sdn. Bhd., Daikin Malaysia Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Malaysia Nature Society (MNS), STERIS, Kian Joo Can Factory dan Vivar Printing Sdn. Bhd. yang telah menyumbang dan menjayakan program ini.*

*Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Encik Appollo Leong, Ketua Pegawai Operasi Pembangunan Bandar, Sime Darby Property Berhad, Encik Tan Yong Cheem, Timbalan Presiden, Daikin Malaysia Sdn. Bhd., Puan Cindy Chong, Pengurus Kumpulan Sumber Manusia Kian Joo Can Factory Berhad, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.*



## ***CERAMAH “SCAMMER... ANDA MUNGKIN MANGSA SETERUSNYA”***

*7 DISEMBER 2023*

*CERAMAH “Scammer... Anda Mungkin Mangsa Seterusnya” telah diadakan pada 6 Disember 2023 di Lobi Menara MPS. Ceramah yang dianjurkan oleh Unit Integriti MPS ini diadakan sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti Peringkat MPS 2023. Ceramah telah disampaikan oleh Tuan ASP Rahmat Fitri bin Abdullah, Duta Anti Scam Polis Diraja Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran integriti dalam kalangan warga MPS dan memastikan semua warga MPS terhindar daripada terlibat dengan jenayah penipuan.*



## MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER DAN SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI PERINGKAT MPS 2023

8 DISEMBER 2023



*MAJLIS* Perhimpunan Bulan Disember dan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti Peringkat MPS 2023 telah diadakan pada 8 Disember 2023 di Lobi Menara MPS.

Dalam majlis ini telah diadakan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Cetus Idea KIK 2.0 kepada 15 jabatan dalaman MPS. Jabatan Kejuruteraan dinobatkan sebagai pemenang pertama diikuti dengan Jabatan Bangunan di tempat kedua dan Jabatan Perbendaharaan di tempat ketiga manakala Jabatan Khidmat Pengurusan memenangi Kategori Persembahan Terbaik.



Turut diadakan penyampaian Hadiah Kuiz Betul dan Pantas 2.0 yang menawarkan hadiah barangan elektrik. Acara cabutan bertuah kepada 20 pemenang diadakan sebagai penutup majlis.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah jabatan dan kakitangan MPS.





## *MESYUARAT MAJLIS ULAN DISEMBER DAN TANAM POKOK DI TAMAN RIMBA LAGUNG'*

*21 DISEMBER 2023*

*MESYUARAT Majlis Bil. 12/2023 telah diadakan pada 21 Disember 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong.*

*Mesyuarat majlis dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir dalam mesyuarat ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.*

*Dalam mesyuarat ini, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah menyampaikan cenderahati kepada Ahli Majlis sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan khidmat bakti mereka. Mesyuarat diakhiri dengan acara penanaman pokok oleh Dato' Yang Dipertua dan Ahli Majlis MPS.*

# *MAJLIS ANUGERAH BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) TERBAIK MPS 2023*

*22 DISEMBER 2023*

**MAJLIS** Anugerah Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) Terbaik MPS 2023 telah diadakan pada 22 Disember 2023 di Setia Eco Templer Rawang. Acara penyampaian hadiah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, YBhg. Dato' TPr Dr. Juhari bin Ahmad, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, Encik Mohd Zamri bin Ishak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Strata KPKT, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.



# PROGRAM BOLING SANTAI SELAYANGKU SAYANG

22 DISEMBER 2023

**PROGRAM** Boling Santai Selayangku Sayang 2023 telah berlangsung dengan meriah pada 22 Disember 2023 di Lite Superbowl, Selayang Mall. Acara yang disertai oleh 22 agensi di bawah daerah Gombak ini adalah untuk menggalakkan aktiviti riadah dan merapatkan silaturahim. Antara agensi yang mengambil bahagian ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Hospital Selayang, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak dan Pejabat Pendidikan Daerah Gombak. Hadiah pertandingan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Program ini turut disertai Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan para pengarah jabatan MPS.











**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

**T** 603-6126 5800 **F** 603-6138 8933 **W** [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) **E** [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my) **TF** 1-800-222-677

